

Nassrul Hakim Md Jani
Wartawan Harakah Selatan

1 November 2024

Bahagian Sumber Manusia
GMSSB / Harakah

Tuan

PELETAKAN JAWATAN SEBAGAI WARTAWAN

Saya Nassrul Hakim Md Jani dengan nama pena Ibnu Janie dengan ini meletakkan jawatan saya sebagai wartawan GMSSB / Harakah dengan notis 30 hari bermula hari ini berkuatkuasa pada 1 Disember 2024.

2. Saya merujuk kepada memo daripada pihak Jabatan Pentadbiran Dan Sumber Manusia GMSSB/Harakah bertarikh 15 Oktober 2024 dengan tajuk ARAHAN LAPOR DIRI PERPINDAHAN DI IBU PEJABAT KUALA LUMPUR dan pertemuan antara saya dan COO Harakah, Khairul Nazir Helmi Azhar (COO) di ibu pejabat Harakah pada 23 Oktober 2024.


3. Di dalam pertemuan itu pihak COO telah menawarkan kepada saya dengan dua pilihan iaitu sama ada berpindah untuk bertugas ke ibu pejabat dengan gaji asal kekal atau pilihan kedua iaitu kekal bertugas di Melaka namun saya harus menerima gaji baharu yang lebih rendah.

4. Saya telah menolak kedua-dua pilihan yang diberi kepada saya itu dan dengan itu saya tidak mempunyai pilihan lain selain meletakkan jawatan saya.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak syarikat yang selama ini memberi saya peluang untuk membina kerjaya saya di sini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar



NASSRUL HAKIM MD JANI

cc :

- YB Ustaz Ahmad Fadhli Shaari (CEO)
- Khairul Nazir Helmi Azhar (COO)